

20 OCT 1999

Mahkamah-Wartawan

WARTAWAN DIBERI KEBENARAN UNTUK RAYU DI MAHKAMAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan di sini, hari ini, memberi kebenaran kepada wartawan Far Eastern Economic Review (FEER) Murray Hiebert untuk membuat rayuan terhadap pensabitan dan hukuman yang dijatuhkan terhadap beliau kerana menghina mahkamah.

Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Eusoff Chin, Hakim Besar Malaya Datuk Wan Adnan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Paduka Mohd Dzaidin Abdullah membuat keputusan itu selepas mendengar penghujahan Cecil Abraham dan Muhammad Shafee Abdullah, peguam bagi Hiebert dan Datuk Kam Woon Wah peguam bagi Datin Chandra Sri Ram, yang memulakan prosiding penghinaan itu.

Bagaimanapun, Mohamed Eusoff berkata kebenaran itu hanya bagi satu isu sahaja -- adakah Seksyen 3(1) Akta Undang-undang Sivil 1956 boleh diguna pakai dalam prosiding penghinaan jenayah atau separa jenayah?

Beliau juga berkata, rayuan Hiebert akan didengar oleh Mahkamah Persekutuan dengan dua syarat, pertamanya, wartawan itu perlu membayar RM200,000 dalam tempoh dua minggu sebagai deposit sekuriti dan keduanya beliau mesti berjanji untuk hadir mahkamah semasa rayuan itu dibicarakan.

Hiebert, 50, yang merayu terhadap pensabitan dan hukuman penjara yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam terhadap beliau kerana menghina mahkamah pada Sept 1997, tidak berada di mahkamah hari ini.

Pada asalnya, Hiebert dijatuhi hukuman penjara tiga bulan bagaimanapun Mahkamah Rayuan mengurangkannya kepada enam minggu pada 11 Sept lepas. Hiebert kemudian menjalani hukuman penjara itu selepas mahkamah enggan memulangkan pasportnya sementara menunggu rayuan di Mahkamah Persekutuan.

Hiebert, seorang warga Kanada, didapati menghina mahkamah kerana rencananya bertajuk "See You in Court" yang membincangkan merit bagi satu saman sivil bernilai RM60 juta yang dikemukakan oleh Chandra terhadap Sekolah Antarabangsa Kuala Lumpur (ISKL) kerana menggugurkan anaknya, Govind, daripada pasukan debat sekolah itu.

Artikel itu ditulis oleh Hiebert dan disiarkan semasa kes itu masih berjalan.

Chandra, isteri hakim Mahkamah Rayuan Datuk Gopal Sri Ram, mendakwa yang rencana itu menghina mahkamah dan mencemuh badan kehakiman Malaysia.

Saman terhadap sekolah itu digugurkan selepas ISKL bersetuju untuk meminta maaf di mahkamah.

Dalam penghujahannya, Abraham berkata mahkamah perlu mempertimbangkan sama ada Mahkamah Rayuan tersilap dalam berkata yang usul bagi penghinaan dan kenyataan yang mengiringinya tidak perlu menyatakan fakta, perkara dan keadaan yang mendakwa Hiebert telah menghina, dan sama ada akibat kegagalan berbuat demikian, Hiebert dinafikan keadilan.

Abraham juga berhujah panjang lebar mengenai Seksyen 3(1) Akta Undang-undang sivil 1956.

Muhammad Shafee berhujah yang mahkamah yang sama juga silap dalam memutuskan yang tiada mens rea diperlukan bagi kesalahan yang wartawan itu disabitkan.

Beliau berkata, secara prinsip hukuman penjara itu adalah tidak betul kerana kesalahan yang dilakukan oleh Hiebert tidak menjejaskan perjalanan proses keadilan.

Sementara itu, Kam berkata Chandra telah mengarahkan beliau untuk memaklumkan mahkamah yang pihaknya akan membiarkan sepenuhnya kepada mahkamah untuk memutuskan permohonan itu.

Bagaimanapun, memandangkan laporan media baru-baru ini mengenai kes itu

beliau membawa kepada perhatian mahkamah sebuah rencana di International Herald Tribune bertarikh 14 Okt, 1999, menyatakan Hiebert ialah "wartawan pertama untuk dipenjarakan semasa menjalankan tugas sejak Malaysia merdeka pada 1957".

Kam berkata, laporan itu tidak berasas kerana Hiebert dipenjarakan "kerana menulis fakta palsu yang menghina mahkamah dan bukan kerana menjalankan tugasnya".

"Di negara kita, perlembagaan kita memberikan kebebasan bersuara tertakluk kepada had-had tertentu antaranya yang boleh menghina mahkamah dan fitnah. Hiebert dengan sengaja menulis fakta palsu dan menghina mahkamah dan oleh itu, seperti yang lain, beliau dikenakan tindakan kerana menghina mahkamah," kata Kam.

Kam berkata, rencana itu juga menyatakan yang kerajaan menggunakan mahkamah sebagai alat untuk membuli media.

"Juga sebuah lagi rencana melaporkan yang Hiebert dipenjarakan kerana melaporkan kes itu. Sekali lagi ia berkata hukuman penjara terhadap Hiebert dilihat sebagai usaha terbaru dalam perang Dr Mahathir terhadap media asing. Ini tidak benar kerana ia bukan kes Dr Mahathir," katanya.

Rencana itu juga menyebut yang mahkamah telah merampas pasport Hiebert dan tidak mahu mendengar rayuannya untuk lebih dua tahun yang secara tidak langsung memenjarakan Heibert di Malaysia dalam tempoh itu, kata Kam.

Beliau berkata, dakwaan in tidak benar kerana kelewatan rayuan itu adalah kerana Hiebert dan peguamnya membuat permohonan demi permohonan untuk penundaan atas pelbagai sebab.

-- BERNAMA

SBB PR